



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN SARAAAN  
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE  
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2  
63000 CYBERJAYA, SEPANG  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel. : 03-83164000  
Faks. : 03-83201984/03-83201981  
03-83201980/03-83201979/03-83201985  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(BGE)223/5/4-3 (56)

Tarikh : 18 Mei 2010

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**Senarai Terkini Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri Yang Ditarafkan Sebagai Penempatan *Hardship***

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dijelaskan melalui perenggan 1.11, Bab I, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1994 (PP2/94), senarai Penempatan *Hardship* bagi Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dikaji dari semasa ke semasa mengikut kriteria yang ditetapkan. Oleh yang demikian, bersama-sama ini dilampirkan senarai terkini Penempatan *Hardship* bagi Perwakilan Malaysia di luar negeri berkuat kuasa mulai 1 April 2010.

3. Pegawai yang berkhidmat di Perwakilan-perwakilan yang ditarafkan sebagai Penempatan *Hardship* layak diberi kemudahan Cuti Beristirehat sebagaimana yang diperuntukkan melalui perenggan 6.4, Bab VI, PP2/94. Lazimnya, tempoh penempatan pegawai di sesuatu Penempatan *Hardship* adalah 24 bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ketua Jabatan perlu menyambung penempatan pegawai di sesuatu Penempatan *Hardship* tersebut, tempoh penyambungan perlulah sekurang-kurangnya 12 bulan bagi melayakkan kemudahan ini diberi bagi kali kedua. Peraturan di perenggan ini tidak terpakai bagi Perwakilan yang telah mendapat kelulusan khas mengikut kes-kes tertentu. Sehubungan dengan itu, senarai Penempatan *Hardship* di dalam Surat Edaran bil: JPA(BGE)223/5/4-3(49) bertarikh 14 Disember 2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATUK MAT ARON DERAMAN)  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

☎ 03-8316 4004  
✉ [aron@jpa.gov.my](mailto:aron@jpa.gov.my)

S.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan  
Tingkat 4, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Y.Bhg. Dato' Za'ba Bin Che Rus)

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62594 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Y.Bhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman)

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62594, PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Wan Selamah Binti Wan Sulaiman)

**Senarai Penempatan Hardship Berkuat Kuasa Mulai 1 April 2010  
(Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1994 – Peraturan Khidmat Luar Negeri)**

1. Accra, Ghana
2. Algiers, Algeria
3. Almaty, Kazakstan
4. Baghdad, Iraq
5. Beirut, Lebanon
6. Chennai, India
7. Colombo, Sri Lanka
8. Conakry, Guinea
9. Dakar, Senegal
10. Dhaka, Bangladesh
11. Dili, Timor-Timor
12. Harare, Zimbabwe
13. Havana, Cuba
14. Karachi, Pakistan
15. Kathmandu, Nepal
16. Khartoum, Sudan
17. Lagos, Nigeria
18. Mexico City, Mexico
19. Moscow, Rusia
20. Mumbai, India
21. Nairobi, Kenya
22. New Delhi, India
23. Port Moresby, Papua New Guinea
24. Pristina, Kosovo
25. Pyong Yang, North Korea
26. Sana'a, Yemen
27. Sarajevo, Bosnia
28. Teheran, Iran
29. Tripoli, Libya
30. Vientiane, Laos
31. Yangon, Myanmar